



SIARAN MEDIA

ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

'MPS WAJIB SEMUA PENYEWAWA PASAR MPS JALANI SARINGAN COVID-19

1. MPS telah mewajibkan semua penyewa dan pekerja di semua pasar awam di bawah pengurusan MPS untuk menjalani saringan Covid-19. Saringan ini dijalankan sebagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan wabak Covid-19 tidak merebak secara senyap terutama di kalangan pekerja asing yang bekerja disitu. Tindakan ini juga diambil untuk memastikan keselamatan pelanggan yang berkunjung ke pasar-pasar awam tersebut.
2. Untuk makluman, proses saringan pertama telah pun dilaksanakan melibatkan semua penyewa dan pekerja Pasar Awam MPS Selayang Baru pada 8 Mei 2020. Proses saringan yang melibatkan 421 orang ini telah dijalankan di Dewan Seroja, Kampung Bendahara. Saringan yang bermula pada jam 9 pagi ini dan berakhir pada jam 12 tengah hari ini telah mendapat kerjasama penuh dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Gombak. (PKD)
3. Proses saringan ini akan diteruskan kepada semua penyewa dan pekerja pasar awam MPS yang lain sepanjang minggu ini. Maklumat lengkap dan tarikh saringan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PASAR	JUMLAH SARINGAN	TARIKH SARINGAN	LOKASI SARINGAN
1	Pasar Awam MPS Selayang Baru	413	8/5/2020	Dewan Seroja, Kg. Bendahara
2	Pasar Awam Moden MPS Rawang	400	13/5/2020	Dewan MPS, Batu 17 Rawang
3	Pasar Awam Moden MPS Sri Gombak	130	15/5/2020	Dewan Beringin, Seri Gombak
4	Pasar Awam MPS Taman Ehsan	30		
5	Pasar Awam MPS Bandar Country Homes	200	19/5/2020	Dewan Bandar Baru Kundang
6	Pasar Awam MPS Batu Arang	60		

4. Selain proses saringan wajib, untuk memastikan kebersihan tapak di pasar pihak MPS juga telah melaksanakan kerja-kerja disinfeksi di bangunan pasar secara berkala sejak PKP Fasa 1. Setiap peniaga juga telah diarahkan untuk melakukan pembersihan di petak masing-masing menggunakan bahan pencuci bercampur cecair nyah kuman dengan nisbah 1:9 setiap kali selepas perniagaan dijalankan.



5. Untuk keselamatan pengunjung, anggota MPS telah melaksanakan kawalan di setiap pasar awam dengan menempatkan kakitangan bertugas bagi pengambilan suhu badan penyewa dan pengunjung serta memastikan mereka mencuci tangan sebelum dibenarkan untuk melakukan aktiviti jual beli. MPS juga hanya membuka satu akses kepada pengunjung dan melekatkan penanda di atas lantai untuk panduan jarak sosial (*Social Distancing*) selain mengawal jumlah pengunjung bagi mengelakkan kesesakan terutama di waktu puncak.
6. MPS berharap, dengan tindakan yang dilaksanakan ini, ianya dapat membantu usaha kerajaan membendung wabak Covid 19 yang sedang melanda negara. MPS juga ingin menyeru masyarakat agar mematuhi sepenuhnya arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan memastikan peraturan ketika berkunjung ke pasar-pasar awam MPS terutama segi jarak sosial dan kebersihan dipatuhi.
7. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

Dikeluarkan Oleh:

Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S
Pengarah Jabatan Korporat

B/P

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

9 AM
11 Mei 2020